



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN)
TAHUN 2020**

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2019 bagi kali pertama untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) tahun 2020.

Program Penajaan Nasional (PPN) merupakan penajaan kepada pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2019 untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia. Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan secara pinjaman boleh ubah (PBU) bagi mengikuti pengajian peringkat persediaan sehingga ke peringkat ijazah pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang pilihan di **10 universiti terbaik dunia di Amerika Syarikat (USA) dan 10 universiti terbaik dunia di United Kingdom (UK)** seperti yang disenaraikan dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, Times Higher Education (THE) World University Rankings* dan / atau *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* berdasarkan kedudukan universiti atau bidang pengajian.

2. PERINGKAT PENGAJIAN

| KURSUS PERSEDIAAN | IJAZAH PERTAMA |
|--|---|
| <p>Pelajar-pelajar akan mengikuti kursus persediaan di Kolej Yayasan UEM (KYUEM).</p> | <p>Pelajar-pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di universiti terbaik dunia di US dan UK seperti yang disenaraikan dalam <i>QS World University Rankings</i>, <i>THE World University Rankings</i> dan / atau <i>Academic Ranking of World Universities</i> berdasarkan kedudukan universiti dan bidang pengajian. Senarai bidang dan universiti adalah seperti di LAMPIRAN A.</p> |
| <p>Sekiranya pelajar menamatkan kursus persediaan dan melepasi <i>cut-off point</i> (COP) yang ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama namun tidak mendapat tempat di 10 universiti terbaik dunia di US dan 10 universiti terbaik dunia di UK seperti yang disenaraikan di LAMPIRAN A (<i>QS World University Rankings</i>, <i>THE World University Rankings</i> dan / atau <i>Academic Ranking of World Universities</i>), pelajar akan ditamatkan dari program PPN dan boleh diserap masuk ke program dalam negara.</p> <p>Pelajar hanya ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti di dalam negara tertakluk kepada pelajar mendapat tempat pengajian di institusi pengajian dalam negara yang ditetapkan Kerajaan dan melepasi syarat-syarat akademik.</p> | |

3. SYARAT PENAJAAN

3.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu/bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA; dan
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama.
- (v) Menduduki peperiksaan **SPM tahun 2019 kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta** atau **calon-calon persendirian**; dan
- (vi) Umur belum mencapai 18 tahun (19 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

3.2 Syarat Khusus

- i. Memperoleh keputusan **sekurang-kurangnya 9A+ bagi mata pelajaran berikut:**
 - (1) Bahasa Melayu
 - (2) Bahasa Inggeris
 - (3) Matematik
 - (4) Sejarah
 - (5) Matematik Tambahan
 - (6) Fizik
 - (7) Kimia
 - (8) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral; dan
 - (9) Satu (1) pelajaran lain;**DAN**
Memperoleh **minimum gred A-** bagi semua mata pelajaran lain **(jika ada).**

4. PROGRAM PERSEDIAAN

Pelajar-pelajar yang ditawarkan penajaan di bawah program ini akan mengikuti kursus persediaan di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) selama 24 bulan.

5. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Calon-calun yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- a. Pinjaman akan ditukar kepada biasiswa dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- b. Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC); atau
- c. Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- d. Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

6. CARA MEMOHON

Pelajar yang berminat perlu mengisi profiling secara dalam talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my> yang dibuka khusus kepada calon terlibat sahaja.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297 / 3553 / 3387** mulai 9 Mac 2020 hingga 18 Mac 2020 (hari bekerja) dari jam 9:00 pagi hingga jam 4:30 petang atau kemukakan maklum balas melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di <http://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>.

7. STUDENT ASSESSMENT CENTER (SAC)

Calon yang memohon akan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA.

Program SAC dijadualkan pada 6 April 2020 hingga 10 April 2020 di pusat-pusat yang telah ditetapkan secara Zon di **Zon Tengah** (Bangi) **Zon Selatan 1** (Melaka) **Zon Selatan 2** (Johor Bahru), **Zon Utara 1** (Jitra), **Zon Utara 2** (Pulau Pinang), **Zon Timur 1** (Kuantan), **Zon Timur 2** (Kota Bharu), **Zon Sabah** (Kota Kinabalu), **Zon Sarawak 1** (Kuching) dan **Zon Sarawak 2** (Miri).

8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **18 Mac 2020 (Rabu) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. TARIKH-TARIKH PENTING

| Aktiviti | Tarikh |
|---------------------|--------------------|
| e-Profiling dibuka | 9 Mac 2020 |
| e-Profiling ditutup | 18 Mac 2020 |
| Keputusan Penawaran | 5 Mei 2020 |

**SENARAI BIDANG DAN UNIVERSITI YANG DITAJA DI BAWAH
PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN) TAHUN 2020**

| BIDANG | BIL. | UNIVERSITI | NEGARA |
|--|------|--|--------|
| 1. <i>Nanotechnology</i> | 1. | California Institute of Technology | US |
| 2. <i>Neurotechnology</i> | 2. | Stanford University | US |
| 3. <i>Digital Technology</i> | 3. | Massachusetts Institute of Technology | US |
| 4. <i>Biological Sciences</i> | 4. | Princeton University | US |
| 5. <i>Computer Science</i> (terhad kepada <i>Artificial Intelligence, Internet of Things</i> dan <i>Data Sciences</i>) | 5. | Harvard University | US |
| | 6. | Yale University | US |
| 6. <i>Economics & Econometrics</i> (e.g. <i>Applied Economics, Macroeconomics</i>) | 7. | University of Chicago | US |
| | 8. | University of Pennsylvania | US |
| | 9. | University of California, Berkeley | US |
| 7. <i>Geology, Environmental, Earth & Marine Sciences</i> | 10. | Columbia University | US |
| | 11. | Johns Hopkins University | US |
| 8. <i>Aerospace Engineering</i> | 12. | Cornell University | US |
| 9. <i>Physics</i> | 13. | University of California, Los Angeles | US |
| 10. <i>Mathematics</i> | 14. | University of Oxford | UK |
| 11. <i>Biology</i> | 15. | University of Cambridge | UK |
| 12. <i>Chemistry</i> | 16. | Imperial College London | UK |
| Nota : | 17. | University College London | UK |
| Senarai universiti juga dibuka kepada 10 universiti terbaik di UK atau US mengikut bidang berdasarkan QS, THE atau ARWU (Panduan di LAMPIRAN B). | 18. | University of Edinburgh | UK |
| | 19. | King's College London | UK |
| | 20. | University of Manchester | UK |
| | 21. | University of Bristol | UK |
| Bagi bidang pengajian yang melibatkan Badan Profesional, pelajar perlu memastikan program yang diikuti diiktiraf oleh badan-badan professional berkaitan. | 22. | London School of Economics and Political Science | UK |
| | 23. | University of Warwick | UK |
| | 24. | Cardiff University | UK |
| | 25. | The University of Sheffield | UK |

**PANDUAN BERKAITAN SENARAI UNIVERSITI BERDASARKAN KEDUDUKAN
UNIVERSITI KESELURUHAN DAN BIDANG PENGAJIAN**

1. Senarai universiti yang boleh dipilih pelajar adalah berdasarkan senarai kedudukan universiti secara keseluruhan atau berdasarkan kedudukan universiti dalam bidang pengajian yang telah ditetapkan Kerajaan bagi **tahun pertama atau kedua pengajian pelajar di peringkat persediaan** di bawah THE World University Rankings, QS World University Rankings atau Academic Ranking of World Universities sahaja.
2. Dalam menentukan kedudukan universiti dalam bidang pengajian pilihan (sila rujuk **LAMPIRAN A**) berada dalam universiti terbaik UK ataupun US, senarai yang boleh dirujuk adalah **berdasarkan kluster bidang yang ditetapkan dalam THE, QS ataupun ARWU ataupun bidang pengajian yang disenaraikan di bawah (jika ada)**. Sehubungan dengan itu, berikut adalah panduan yang boleh digunakan dalam menentukan kedudukan universiti berdasarkan bidang pengajian pilihan pelajar:

| KLUSTER BIDANG DALAM THE, QS ATAU ARWU | | BIDANG PENGAJIAN YANG DISENARAIKAN JPA |
|--|-------------------------------------|---|
| THE | <i>Life Sciences</i> | <i>Biological Sciences, Biology</i> |
| | <i>Physical Sciences</i> | <i>Geology, Environmental, Earth & Marine Sciences, Chemistry, Physics, Mathematics</i> |
| | <i>Business & Economics</i> | <i>Economics & Econometrics</i> |
| | <i>Computer Science</i> | <i>Computer Science, Digital Technology</i> |
| | <i>Engineering & Technology</i> | <i>Aerospace Engineering, Nanotechnology, Neurotechnology</i> |

| KLUSTER BIDANG DALAM THE, QS ATAU ARWU | | BIDANG PENGAJIAN YANG DISENARAIKAN JPA |
|--|---|---|
| QS | <i>Life Science & Medicine</i> | <i>Biological Sciences, Biology</i> |
| | <i>Natural Sciences</i> | <i>Geology, Environmental, Earth & Marine Sciences, Chemistry, Physics, Mathematics</i> |
| | <i>Engineering & Technology</i> | <i>Computer Science, Aerospace Engineering, Nanotechnology, Neurotechnology, Digital Technology</i> |
| | <i>Social Sciences & Management</i> | <i>Economics & Econometrics</i> |
| ARWU | <i>Natural Sciences</i> | <i>Geology, Environmental, Earth & Marine Sciences, Chemistry, Physics, Mathematics</i> |
| | <i>Engineering</i> | <i>Aerospace Engineering, Nanotechnology, Neurotechnology, Digital Technology, Computer Science</i> |
| | <i>Life Sciences</i> | <i>Biological Sciences, Biology</i> |
| | <i>Social Sciences</i> | <i>Economics & Econometrics</i> |

Nota : Kedudukan 10 universiti terbaik di US atau UK berasaskan bidang atau kluster bidang adalah terpakai bagi mana-mana tahun semasa pelajar menyambung pengajian peringkat persediaan di institusi yang telah ditetapkan.